

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16/3/2012

Rencana

Suara Blog

Misi selamatkan Anwar di Parlimen gagal...

"MISI menyelamatkan Anwar Ibrahim dalam Parlimen gagal!" Itulah tajuk entri blog **Dr MIM** (novandri.blogspot.com) merujuk tindakan Azmin Ali mempertahankan kenyataan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyokong keselamatan negara Israel.

Blog tersebut yang turut menyiarkan rakan video perdebatan Azmin di Dewan Rakyat berhubung isu itu berkata, ia jelas menunjukkan Ahli Parlimen Gombak itu berbohong ketika cuba mempertahankan Anwar.

"Dalam (keadaan) beliau mengkuar-kacirkan perjalanan sidang, Azmin yang sebenarnya sengaja 'mised' atau menegak belang yang basah dengan mengatakan bahawa Menteri Luar sengaja memadamkan kenyataan penuh Anwar seperti yang dilaporkan di dalam *Wall Street Journal*.

"Padahal, Azmin yang sebenarnya telah berbohong di dalam Dewan Rakyat dengan hanya mengambil separuh daripada kenyataan Anwar," katanya.

Jelas beliau, Azmin hanya mengambil ayat "remains contingent on Israel respecting the aspirations of Palestinians" sedangkan ada lagi ayat penting sebelum itu yang sengaja



disembunyikan oleh beliau.

Blog **MyKMU** (www.mykmu.net) pula hairan dengan kesungguhan Azmin mempertahankan Ketua Pembangkang itu sendiri sehingga boleh menimbulkan kecurigaan tentang "hubungan" kedua-dua pemimpin PKR itu.

Bagaimanapun, katanya, perbahasan di Parlimen itu jelas menunjukkan pembangkang tidak mampu mempertahankan kenyataan Anwar mengenai Israel baik dari wakil-wakil PKR, DAP apa lagi Pas.

"Balik-balik guna cover (alasan) basi - baca keseluruhan artikel bukan satu perenggan.

"Dah kalau satu perenggan itu memang maksudnya ditafsirkan sebagai melindungi keselamatan Israel, maksudnya melindungi keselamatan Israellah.

UM - 16/3/2012

Perbahasan di Parlimen itu jelas menunjukkan pembangkang tidak mampu mempertahankan kenyataan Anwar mengenai Israel baik dari wakil-wakil PKR, DAP apa lagi Pas

"Apa faedahnya baca keseluruhan artikel kalau petikan yang satu itupun sudah cukup untuk menggambarkan polisi dan dasar luar Anwar..." katanya.

Tambahnya, pendekatan Ahli Parlimen pembangkang mempertahankan Anwar di Parlimen itu semuanya lebih kepada emosi semata-mata.

Sementara **blog The Unspinnners** (theunspinnners.blogspot.com) mendakwa wujudnya kursus latihan anjuran NGO-NGO asing yang kelihatannya bertujuan baik tetapi di sebaliknya timbul pelbagai persoalan.

Konrad Adenauer Foundation (KAF) misalnya membiayai pelbagai kursus kewartawanan, karyawan seni, pembangunan wilayah, kesusasteraan, komunikasi dan lain-lain bukan sahaja untuk pembangkang dan NGO

berhaluan kiri tetapi juga haluan kanan seperti Perkasa serta Pemuda UMNO.

"Itu yang di depan tapi di belakang serta kursus yang dihantar di Jerman untuk pihak pembangkang, lain sekali. Pernah satu masa dan dipercayai masih lagi ada kursus ini untuk orang Malaysia dan dihantar dengan di biayai sepenuhnya untuk kursus "How to bring down a Government?", katanya.

Selain KAF, katanya, kumpulan-kumpulan dari Parti Demokrat atau Republikan di Amerika Syarikat pula secara terbuka menganjurkan kursus-kursus persediaan bagi menghadapi pilihan raya.

"Salah satu yang pernah dilaporkan adalah kursus International Republican Institute (IRI) untuk PKR di Sunway Seberang Jaya, Pulau Pinang baru-baru ini," dakwa blog ini.

Al-Azhari Siddiq Kamunri (jentayuabaka.blogspot.com) pula mendedahkan kemiskinan para orientalis ke rantau Asia Tenggara termasuk negara ini melalui para pemimpin yang bercita-cita tinggi sejak 10 tahun lalu.

Katanya, cita-cita agung para orientalis itu bukan sekadar merubah kerajaan atau menjatuhkan seorang Perdana Menteri, tetapi lebih dari itu

"Penulis sangat percaya perubahan sikap yang ditunjukkan oleh pasukan ulama di dalam Pas yang diketuai Datuk Dr. Hassan Ali, Datuk Harun Din, Datuk Ismail Kamus, Nasharudin Mat Isa dan banyak lagi adalah kerana kesedaran mereka akan ancaman ini.

"Dalam hal ini, penulis bukan baru bercakap mengenainya, tetapi lebih 10 tahun yang lalu penulis sudah mengutarakannya. Hanya ketika itu ianya tidak nampak lagi," katanya.

Kata beliau, pendedahan beberapa blog mapan mengenai kemasukan dana-dana asing khususnya dari golongan Yahudi Amerika memperkuatkan lagi wujudnya gerakan tersebut.